



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 198

AKTA PERLINDUNGAN PIHAK BERKUASA AWAM 1948

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

Teks ini HANYA TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara bagi Public Authorities Protection Act 1948. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sah di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
SECARA USAHA SAMA DENGAN
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD

2006

**AKTA PERLINDUNGAN PIHAK
BERKUASA AWAM 1948**

Pertama kali diperbuat 1948 (Ordinan No. 19
tahun 1948)

Disemak 1978 (Akta 198 m.b.p.
15 Februari 1978)

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 2001

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 198****AKTA PERLINDUNGAN PIHAK BERKUASA
AWAM 1948**

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Perlindungan bagi orang yang bertindak dalam melaksanakan kewajipan statutori atau kewajipan awam lain
3. Pemansuhan

JADUAL

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 198

AKTA PERLINDUNGAN PIHAK BERKUASA AWAM 1948

Suatu Akta berhubungan dengan perlindungan bagi orang yang bertindak dalam melaksanakan kewajipan statutori dan kewajipan awam lain.

*[Semenanjung Malaysia—19 Ogos 1948;
Sabah dan Sarawak—25 Februari 1965]*

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948.

Perlindungan bagi orang yang bertindak dalam melaksanakan kewajipan statutori atau kewajipan awam lain

2. Jika, selepas mula berkuat kuasa Akta ini, apa-apa guaman, tindakan, pendakwaan atau prosiding lain dimulakan di Persekutuan terhadap mana-mana orang kerana apa-apa perbuatan yang dilakukan menurut atau dalam melaksanakan atau dengan tujuan melaksanakan mana-mana undang-undang bertulis atau apa-apa kewajipan awam atau kuasa awam atau berkenaan dengan apa-apa keabaian atau keingkaran yang dikatakan dalam melaksanakan mana-mana undang-undang bertulis, kewajipan atau kuasa sedemikian, peruntukan yang berikut hendaklah berkuat kuasa:

- (a) guaman, tindakan, pendakwaan atau prosiding itu tidak boleh diambil atau dimulakan melainkan jika ia dimulakan dalam tiga puluh enam bulan selepas sahaja perbuatan, keabaian atau keingkaran yang diadukan itu atau, dalam hal kecederaan atau kerosakan yang berterusan, dalam masa tiga puluh enam bulan selepas sahaja terhentinya kecederaan atau kerosakan itu;

- (b) apabila dalam apa-apa guaman atau tindakan itu penghakiman diperolehi oleh defendan, penghakiman itu hendaklah termasuk kos yang akan ditetapkan sebagaimana antara peguam cara dengan klien;
- (c) jika prosiding itu merupakan suatu guaman atau tindakan untuk ganti rugi, tender penyelesaian sebelum guaman atau tindakan itu dimulakan bolehlah dirayukan sebagai ganti atau sebagai tambahan kepada apa-apa rayuan lain;
- (d) jika guaman atau tindakan itu dimulakan selepas tender penyelesaian atau tawaran secara bertulis itu, atau diteruskan selepas dibayar kepada mahkamah apa-apa wang bagi menjelaskan tuntutan plaintif, dan plaintif tidak mendapat lebih daripada jumlah yang ditenderkan untuk penyelesaian, ditawarkan atau dibayar itu, dia tidak boleh mendapat apa-apa kos yang ditanggung selepas tender penyelesaian, tawaran atau bayaran itu, dan defendan berhak untuk mendapat kos yang akan ditetapkan sebagaimana antara peguam cara dengan klien mulai dari masa tender penyelesaian, tawaran atau bayaran itu, dan kos hingga pada masa tender penyelesaian, tawaran atau bayaran itu adalah menurut budi bicara mahkamah:

Dengan syarat bahawa peruntukan ini tidak menyentuh kos mengenai apa-apa injunksi dalam guaman atau tindakan itu.

Pemansuhan

3. Enakmen dan Ordinan yang disebut dalam Jadual kepada Akta ini dengan ini dimansuhkan.
-

JADUAL

[Seksyen 3]

PEMANSUHAN

Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Bab 30	Enakmen Perlindungan Pihak Berkuasa Awam Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.
Enakmen Johor No. 60	Enakmen Perlindungan Pihak Berkuasa Awam Negeri Johor.
Enakmen Kedah No. 11 Tahun 1359	Enakmen Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1359 Negeri Kedah.
Enakmen Kelantan No. 3 Tahun 1931	Enakmen Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1931 Negeri Kelantan.
Enakmen Perlis No. 3 Tahun 1340	Enakmen Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1340 Negeri Perlis.
Enakmen Terengganu No. 2 Tahun 1356	Enakmen Perlindungan Pihak Berkuasa Awam Negeri Terengganu.
Negeri-Negeri Selat Bab 14	Ordinan Perlindungan Pihak Berkuasa Awam Negeri-Negeri Selat.
Sabah Bab III	Ordinan Perlindungan Pihak Berkuasa Awam Sabah.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 198****AKTA PERLINDUNGAN PIHAK BERKUASA
AWAM 1948**

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
L.N. 67/1965	Perintah Pengubahsuaian Undang-Undang (Prosiding Kerajaan dan Perlindungan Pihak Berkuasa Awam) (Peluasan dan Pengubahsuaian) 1965	26-02-1965
Akta A252	Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam (Pindaan) 1974	14-06-1974

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 198****AKTA PERLINDUNGAN PIHAK BERKUASA
AWAM 1948****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta A252	14-06-1974
